



SIARAN MEDIA

YTL CEMENT DAN JABATAN ALAM SEKITAR ANJUR PROGRAM KUDAH SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2022

KAMPAR, 15 OKTOBER 2022 – YTL Cement bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak telah menganjurkan Program Kutip Sampah Sambil Riadah (KUDAH) sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 di Sahom Valley, Kampar, Perak.

Program KUDAH ini dianjurkan menerusi program tanggungjawab sosial korporat YTL Cement, iaitu BUILDS, dan inisiatif Rakan Alam Sekitar oleh JAS Negeri Perak dengan kerjasama PLUS Malaysia Bhd., dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak. 80 sukarelawan bersama-sama komuniti setempat telah terlibat menjayakan aktiviti membersihkan dan memulih keindahan Sungai Gapes serta berjaya mengumpul lebih dari **332.8** kg sampah dan bahan kitar semula. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Haji Rosli bin Zul, Pengarah JAS Negeri Perak. Turut hadir dalam program KUDAH ini ialah Pn Ong Ping Ping Pengarah Komunikasi YTL Cement, perwakilan dari Pegawai Daerah Kampar, Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan PLUS.

Selain dari aktiviti KUDAH, sukarelawan telah berjaya menanam sebanyak 100 batang pokok spesies hutan tropika yang disumbangkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Bagi menguar-uarkan kepentingan kebersihan Sungai Gapes, sebuah papan tanda telah diletakkan di pinggir sungai bagi menunjukkan status semasa kualiti air Sungai Gapes. Satu sesi ujian air sungai in-situ telah dijalankan oleh Ybrs Tuan Haji Rosli bin Zul bagi menunjukkan kepada masyarakat status terkini kualiti air Sungai Gapes. Papan tanda ini akan dikemaskini dari masa ke masa bagi rujukan para pengunjung.

Sungai Gapes merupakan salah satu sungai berkepentingan ekonomi kepada komuniti Lembah Sahom dan juga merupakan kawasan tarikan para pengunjung bagi aktiviti mandimanda serta beriadah. Namun, kesedaran dalam menjaga persekitaran alam sekitar di kawasan ini masih ditahap belum memuaskan. Oleh itu, program KUDAH ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang awam dalam menjaga persekitaran Sungai Gapes bagi kegunaan orang ramai.

Puan Ong Ping Ping, Pengarah Komunikasi YTL Cement merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak kerana memberi peluang kepada YTL Cement dan BUILDS untuk bekerjasama dengan Rakan Alam Sekitar dalam menjayakan aktiviti pada hari ini dan berharap program pada hari ini dapat membantu pemuliharaan Sungai Gapes bagi kegunaan orang awam, terutamanya penduduk Lembah Sahom.

Tuan Haji Rosli bin Zul, Pengarah, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak memaklumkan bahawa program antara industri dan kerajaan negeri seperti hari ini adalah amat berkesan dalam meningkatkan kesedaran kepada orang ramai serta warga industri dalam kepentingan memelihara alam sekitar. Beliau turut mengalu-alukan agar program sebegini dapat diperkembangkan dalam masa akan datang demi kepentingan sejagat dan inisiatif ini sejajar dengan tema sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 iaitu "*Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama*".



Untuk maklumat lanjut, layari platform media sosial YTL Cement Group di [Facebook](#), [LinkedIn](#) dan [Instagram](#) serta media sosial YTL Cement BUILDS di [Instagram](#).

– Tamat –

Mengenai BUILDS

BUILDS ialah bahagian Tanggungjawab Sosial Korporat YTL Cement. Matlamat utama BUILDS adalah untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam sekitar. Usaha BUILDS adalah berdasarkan kepada tiga tonggak utama iaitu komuniti, kemampanan dan pendidikan.

Mengenai YTL Cement

YTL Cement ialah sebuah kumpulan syarikat dalam industri pembuatan bahan pembinaan yang merangkumi simen, konkrit dan agregat, dengan operasi di Malaysia, Singapura, Vietnam dan Myanmar. Di Malaysia, YTL Cement telah menyumbang kepada pembinaan rumah, bangunan dan infrastruktur, termasuk beberapa mercu tanda negara, sejak 70 tahun yang lalu. Kami menyokong peralihan sektor pembinaan ke arah pembangunan mampan dengan menyediakan produk berkualiti bertaraf dunia dan penyelesaian hujung ke hujung.

Mengenai Jabatan Alam Sekitar (JAS)

Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bertanggungjawab memastikan pembangunan lestari dalam proses kemajuan Negara dan alam sekitar sentiasa bersih, sihat dan selamat untuk kesejahteraan rakyat. JAS juga berperanan sebagai penyebar maklumat, kemahiran dan idea-idea bernas bagi pembangunan minda masyarakat ke arah penghayatan persekitaran alam semula jadi secara berterusan. Ini termasuklah menggalakkan konsep pematuhan sendiri oleh pihak industri serta orang awam.

Mengenai Rakan Alam Sekitar (RAS)

Program Rakan Alam Sekitar (RAS) telah dilancarkan pada 4 Jun 2009 merupakan inisiatif jabatan dalam membangunkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Rakan Alam Sekitar melibatkan anggota masyarakat secara 'hands-on' iaitu menjadi 'mata dan telinga' untuk membantu agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar.

Mengenai KUDAH

Program KUDAH (Kutip Sampah Sambil Beriadah) diadakan untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar dan sungai serta memupuk rasa cintakan alam sekitar. Persekitaran yang bersih ini pastinya dapat memberikan manfaat kepada kita dalam menjalani kehidupan seharian dengan lebih sihat.